

auladuna

Auladuna

2020 (UP) 600-002/042(32)

Ucapkan
Kalimah-
Kalimah Indah



فوسة دعوه اسلاميه
مركز الدعوه الاسلاميه
ISLAMIC DA'WAH CENTRE

Bil: 32

وعليكم السلام
Omar



السلام عليكم

Cikgu!



Anai-Anai dan
Nabi Sulaiman 5

10 Kalimah-Kalimah
Yang Baik 7

Kandungan

- Kalam Auladuna 3
- Asma'ul Husna 4
- Kisah Haiwan 5
- Pengenalan Surah 6
- Pekerti Auladuna 7
- Adab Islami 8
- Kamus 3 Bahasa & Perambahan Brunei 9
- Bina Perkataan 10
- Asah Minda 11
- Hadits 12
- Belajar Bahasa Arab 13
- Gambar Tersembunyi 14
- Teka Silang Kata 15

ANGGOTA REDAKSI

EDITOR
Hajah Middeni binti Haji Lamit

PENOLONG EDITOR
Hajah Suriyati binti Haji Ahmad

PENYELARAS
Hjh Ratna Wati binti Hj. Abd. Karim
Qairunnisa binti Haji Jalil
Dayang Hayatun Syakirah binti Hj. Awang Abd. Ghani

PEMBANTU PENYELARAS
Rokiah binti Hj. Mohd. Serudin.
Azizah binti Hidup
Md. Zelihan bin Ahad
Dahlan bin Chuchu

ATUR HURUF & REKA BENTUK
Dahlan bin Chuchu

PEMBAHAGI MAJALAH
Pg. Muhammad Rafiuddin bin Pg. Haji Badaruddin
Norni binti Haji Norsan



Doa Menjaga Lisan



اللَّهُمَّ اجْعِلْ صَمْتِي فِكْرًا وَنُطْقِي ذِكْرًا

Maksudnya:

“Ya Allah! Jadikanlah diamku berfikir dan percakapanku berzikir.”



Kalimah Yang Baik

Anak-anak, setiap perkataan yang mengundang kebaikan kepada pendengar boleh dianggap sebagai satu sedekah. Ini kerana kata-kata yang baik itu boleh mendatangkan kegembiraan kepada orang lain atau mendorong seseorang untuk membuat kebaikan. Oleh itu anak-anak hendaklah membiasakan mulut untuk mengucapkan perkataan-perkataan baik seperti ucapan salam, bertanya khabar dan sebagainya. Sekiranya sesuatu perkataan yang diucapkan itu memberikan kesan yang tidak baik kepada orang lain maka ia boleh menghumban anak-anak ke dalam neraka.

Anak-anak, perlu ingat bahawa kita akan dibangkitkan pada hari akhirat nanti dan pada masa itu setiap anggota badan akan berbicara. Walaupun mulut kita ditutup, ia tetap akan menjadi saksi terhadap perkataan yang kita cakapkan semasa di dunia ini.

Firman Allah Subhanahu wa Ta'alha dalam Surah Yaasiin ayat 65 yang tafsirnya:

الْيَوْمَ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتَكَبُّرُ أَيْدِيهِمْ وَتَشَهِّدُ أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٦٥﴾

Tafsirnya:

Pada hari itu Kami mengunci mulut mereka, dan tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing) dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.





Asma'ul
Husna



Yang Maha Tinggi kedudukan dan martabatNya

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

وَأَنْتَ أَكْبَرُ
٦٥

Tafsirnya:

Dan sesungguhnya Allah, Dialah Yang Maha Tinggi (darjat kemuliaaNya) lagi Maha Besar (kekuasaaNya)

(Surah al-Hajj : 62)


Ayat ini memberi maksud tiada ada kuasa yang lebih besar dari kuasaNya dan tiada ada kedudukan yang lebih tinggi dari kedudukan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Terdapat keistimewaan yang tersendiri pada nama ini. Dengan mengamalkan nama ini sebagai zikir harian, *Insyia Allah* otak anak yang lemah dalam pelajaran boleh menjadi cerdas. Anak yang kurang aktif juga boleh menjadi ceria dan pintar.



Anai-Anai dan Nabi Sulaiman

Kisah
Haiwan




Pada suatu hari, sekawan anai-anai terbang melintasi istana Nabi Sulaiman dan salah seekor daripadanya patah sayap lalu terjatuh ke dalam istana baginda. Dalam keadaan yang sangat lapar, anai-anai tersebut sampai ke mihrab Nabi Sulaiman dan terpegun melihat tongkat baginda yang terbuat dari kayu manis di samping mengagumi kekayaan Nabi Sulaiman. Melihat kayu manis yang menjadi salah satu kegemaran anai-anai tersebut, ia pun memberi salam meminta izin kepada Nabi Sulaiman untuk memakan tongkat baginda untuk mengalas perut. Namun tiada jawapan daripada Nabi Sulaiman yang sedang duduk dengan menopang dagu di kepala tongkat itu.



Anai-anai tersebut merasa kecewa dan sekali lagi meminta izin untuk pergi mencari jalan keluar. Namun tiada juga jawapan daripada Nabi Sulaiman dan anai-anai menganggap baginda sedang khusyu' berzikir sehingga tidak mendengar permintaan izinnya. Anai-anai tersebut menunggu jawapan Nabi Sulaiman sehingga waktu malam. Disebabkan terlalu lama menunggu, anai-anai pun menghampiri baginda dan akhirnya menyedari bahawa baginda sudah tidak bernafas. Ketika itulah anai-anai mengetahui kewafatan baginda. Disebabkan kelaparan, anai-anai pun berdoa kepada Allah dan memakan tongkat kayu manis tersebut.

Pada ketika itu sekalian jin yang menjadi suruhan Nabi Sulaiman masih tidak mengetahui kewafatan baginda dan masih terus membina mahligai seperti yang diarahkan. Hinggalah pada satu hari tongkat yang dipakai untuk menopang dagu baginda semakin nipis dan rapuh dimakan anai-anai dan menyebabkan tongkat tersebut patah. Itu cukup membuatkan Nabi Sulaiman jatuh tersungkur ke lantai dan ketika itulah para jin yang sedang bekerja menyedari kewafatan Nabi Sulaiman.





سُورَةُ الْهُمَزَةٍ

Surah al-Humazah

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
 وَيَلْكُلُ هُمَزَةٌ مَّا جَعَمَ مَا لَوْعَدَهُ
 يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ
 كَلَّا لَيَنْبَدَدُ فِي الْحُطْمَةِ
 وَمَا آذَرَنَاكَ مَا لَحْقَتْهُ
 نَازِلُ اللَّهُ الْمُؤْمِنَةُ
 الَّتِي تَطْلُعُ عَلَى الْأَفْعَادِ
 إِنَّهَا عَيْمَهُ مُؤَصَّدَةٌ
 فِي عَمَدٍ مُّمَدَّدَةٍ

Tafsirnya:

Celakalah bagi tiap-tiap pengumpat lagi pencela. Yang mengumpulkan harta dan menghitung-hitungnya. Dia menyangka hartanya itu dapat mengekalkannya (hidup di dunia). Tidak sekali-kali. Sesungguhnya dia akan dicampakkan ke dalam neraka Huthamah. Dan takukah engkau neraka Huthamah itu? (Iaitu) api (yang disediakan) Allah yang dinyalakan (dengan perintahNya). Yang naik (membakar) sampai ke hati. Sesungguhnya api neraka itu ditutup rapat di atas mereka. (Mereka diikat) pada tiang yang panjang.

Al-Humazah bermaksud pengumpat dan pencela.

Ia dinamakan al-Humazah kerana Allah memberi peringatan kepada orang yang suka mengumpat dan mengaibkan orang lain akan mendapat kecelakaan.

Surah ini menceritakan tentang moral masyarakat yang suka menjatuhkan maruah orang lain dan menganggap diri mereka mulia kerana kekayaan yang melimpah.

Allah menyediakan neraka Huthamah kepada mereka yang bersifat sombang



10 Kalimah Yang Baik

Anak-anak, ucapan yang keluar dari lisan seseorang merupakan cerminan dari isi hatinya. Malah, hati yang bersih akan sentiasa melahirkan perkataan yang elok dan baik. Antara perkataan-perkataan yang baik dan sunat untuk diucapkan ialah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasih

Ketika hendak memulai sesuatu pekerjaan

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

Aku memohon ampun kepada Allah

Ketika melakukan sesuatu yang buruk

الْحَمْدُ لِلَّهِ

Segala pujian bagi Allah

Ketika selesai melakukan sesuatu dan mendapat sesuatu ni'mat

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

Tiada daya dan kekuatan kecuali dengan (pertolongan Allah)

Apabila tidak dapat melakukan seuatu yang agak berat dan ketika melihat hal yang buruk

سُبْحَانَ اللَّهِ

Maha Suci Allah

Ketika ada sesuatu yang mengejutkan

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah

Memperbanyak membacanya ketika siang dan malam

إِنْ شَاءَ اللَّهُ

Jika Allah menghendaki

Jika ingin melakukan sesuatu pada masa akan datang

إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ


Sesungguhnya (kami adalah kepunyaan) Allah kepadaNya jualah kami kembali

Ketika melihat atau mendengar musibah dan khabar kematian

نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ ذَلِكَ

Kami berlindung dengan Allah daripada perkara tersebut

Ucapan ketika ingin terhindar dari hal buruk yang tidak diinginkan





Adab
Islami

Memberi Salam

Memberi salam amat digalakkan dalam Islam

Ia merupakan penjalin persaudaraan sesama muslim

Sunat memulakan percakapan dengan ucapan salam

Antara lafaz "salam" yang digunakan adalah:

- السَّلَامُ عَلَيْكُمْ
- السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ
- السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

Adab Memberi Salam


Hendaklah menunjukkan wajah yang ramah, ceria dan tersenyum ketika mengucapkan salam.

Digalakkan untuk memberi salam dan mengulanginya lagi jika akan berpisah dengan seseorang.

Tidak boleh memulakan salam kepada orang bukan Islam.



Kamus 3 Bahasa
& Perambahan Brunei



BAHASA
MELAYU

Terima kasih

Selamat jalan

Apa khabar?

Semoga Allah membalaamu dengan kebaikan

Semoga Allah merahmatimu

BAHASA
INGGERIS

Thank you

Good bye

How are you?

May Allah reward you with goodness

May Allah bless you

BAHASA
ARAB

شُكْرًا

مَعَ السَّلَامَة

كَيْفَ حَالُكَ / لَكِ؟

جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا / لَكِ اللَّهُ خَيْرًا

بَارَكَ اللَّهُ فِينَكَ

KAMUS BRUNEI

PERAMBAHAN BRUNEI

Gigiran

Melatah, mengeluarkan perkataan atau membuat sesuatu dengan tidak disengaja kerana terperanjat.

Contoh ayat:

Telapas gigiran Dang Limah semasa kucingnya melompat ke meja masa ia makan.

Kalinga / mengalinga

Endah akan; peduli akan;

Contoh ayat:

Ahmad selalu mengalinga adiknya terutama mengenai keperluan sekolah dan sehariannya.

Kebaliangan

Terkejut; terperanjat:

Contoh ayat:

Afiqah kebaliangan mendengar bunyi guruh dan kilat semalam.

Sajuk tangan

Mudah mendapat rezeki

Contoh ayat:

Alhamdulillah sajuk tangan si Rozi manang dalam peraduan mewarna ani.

Si Pugut

Orang yang suka merosakkan harta benda.

Contoh ayat:

"Umar, main baik-baik dan jangan jadi si Pugut," nasihat Dina kepada adiknya yang sedang bermain di Taman Permainan di Gadong.

Tinggal kudut

Langis atau tidak bersisa (hidangan).

Contoh ayat:

Haziq makan sampai tinggal kudut kerana terlalu lapar.

Cuba bina 13 perkataan
daripada perkataan di bawah ini.

KALIMAH

K			L
---	--	--	---

A			L
---	--	--	---

K		I
---	--	---

L		A
---	--	---

A		M
---	--	---

A		M
---	--	---

L		A
---	--	---

M		A
---	--	---

K		I
---	--	---

M		I
---	--	---

H			M
---	--	--	---

K			M
---	--	--	---

K			H
---	--	--	---



Cuba cari perkataan yang dieja dalam huruf jawi
bagi amalan yang terpuji di bawah ini. Selamat mencuba!

استغفار، تحميد، تسبيح، تكبير، دعاء، ذيکیر، سلام، صلوات، نصیحت

غ	ت	ف	د	ت	ن	و	غ	ح	ا
ن	ا	م	ع	ح	ل	ص	ظ	و	ت
ص	س	ل	ا	م	ء	ل	و	ي	س
ي	ت	ه	ن	ي	خ	و	ب	ط	ب
ح	غ	ل	ض	د	ع	ا	ء	ي	ي
ت	ف	ه	م	ض	ه	ت	ش	م	ح
ل	ا	ذ	ف	ر	ذ	ق	ز	ب	ك
ف	ر	ا	غ	ف	ي	ف	ح	ك	ج
س	ر	س	ق	ل	ك	ص	ث	ش	ت
ء	ق	ب	ا	ب	ي	ن	ث	ت	ع
ت	ت	ك	ب	ي	ر	ث	خ	ء	ج

Jawapan Keluaran Bil. 31

أ	ع	إ	م	ب	ي	ر	ات	ب
م	ي	ل	ر	ن	ج	و	ر	
إ	ش	ك	ي	ر	ن	د	ث	ف
ن	ع	خ	إ	ج	ظ	ض	ض	ج
هـ	ق	ذ	ز	ي	ك	ل	ل	ك
هـ	ق	ذ	ز	ي	ك	ل	ل	ك
هـ	س	هـ	س	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ
رـ								
طـ								
صـ								
صـ								






Belajar Bahasa Arab



Mari kita sambung lagi pelajaran bahasa Arab yang mudah bagi anak-anak untuk mempelajari dan mengingatinya.



Cuba baca dan hafalkan bahasa Arab bersama ertinya dalam bahasa Melayu mengikut gambar berikut:



بِرْتُقَالٌ

Limau Oren



فَاكِهَةٌ

Epal



مَوْزٌ


Pisang





**Gambar
Tersembunyi**

Cuba anak-anak cari gambar *Pasu bunga*, *Kasut*, *cendawan*, *kumbang* (beetles), *Ais Krim Kon* dan *gincu* (*lipstick*) dalam gambar tersembunyi berikut.



Selamat mencuba!

**Teka
Silang Kata**



Sila anak-anak lengkapkan teka silang kata berikut:




MENDATAR

- Ucaplah dalam setiap memulakan pekerjaan atau perbuatan.
- Kita haruslah menjaga agar tidak menyakiti orang lain.
- Perkataan dalam Bahasa Arab.
- Baik lawannya
- Alhamdulillah ialah bacaan

MENURUN

- Selepas bersin hendaklah mengucapkan.....
- Berkata baik amalan
- Kalimah yang baik adalah
- Setiap perkataan adalah
- itu lebih tajam dari mata pedang.

Jawapan keluaran Bil. 31





Doa Ketika Bersin

Dalam hadits riwayat Imam al-Bukhari, daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu dari Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِذَا عَطَسَ أَحَدُكُمْ فَلْيَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَلْيَقُلْ لَهُ أَخْوَهُ أَوْ
صَاحِبُهُ يَرْحَمُكَ اللَّهُ فَإِذَا قَالَ لَهُ يَرْحَمُكَ اللَّهُ فَلْيَقُلِ
يَهْدِيْكُمُ اللَّهُ وَيُصْلِحُ بِالْكُمْ

Maksudnya:

Apabila salah seorang dari kamu bersin, hendaklah ia membaca:



الْحَمْدُ لِلَّهِ

(Segala puji bagi Allah)

Dan hendaklah saudaranya atau temannya mendoakannya :



يَرْحَمُكَ اللَّهُ

(Semoga Allah merahmatimu)

Hendaklah orang yang bersin tadi menjawab dengan berkata:



يَهْدِيْكُمُ اللَّهُ وَيُصْلِحُ بِالْكُمْ

(Semoga Allah memberi kamu petunjuk dan memperbaiki keadaanmu)

